

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

OLEH

NURUL ILYANI BINTI MOHD AZHAR
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

0/3418

1100945583

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 46 FPE 2 2006



1100045583
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Agama Islam Perak /
Nur Shatila Osman.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045583

Lihat sebelah



11
46
FPE
2
200

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Oleh:

**NURUL ILYANI BINTI MOHD AZHAR
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADA**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA**

2006

1100045583

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Nurul Ilyani binti Mohd Azhar (UK 9619) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasikan teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Nurul Ilyani binti Mohd Azhar

Tarikh: 16 November 2006

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya telah memberi azam dan keyakinan kepada saya dalam menamatkan latihan industri di Jabatan Agama Islam Perak seperti yang telah dijadualkan.

Sepanjang 12 minggu menjalani latihan industri di Jabatan Agama Islam Perak, banyak pengalaman dan pengetahuan yang telah ditimba. Walaupun mengalami pelbagai kesukaran dan kepayahan ketika menjalankan kewajipan sebagai pelajar dan pekerja namun ia merupakan bekalan yang amat berguna sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan kelak.

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan peribadi kepada kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikut program Latihan Industri. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada organisasi Jabatan Agama Islam Perak yang bermurah hati untuk menerima dan memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan tempoh latihan ini. Kepada Puan Ismar Liza Mahani Ismail selaku penyelia KUSTEM, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kerana banyak memberi perhatian dalam perkembangan untuk menjayakan latihan ini. Keprihatinan beliau memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tugas ini amat dihargai.

Seterusnya ribuan terima kasih kepada Ustaz Mohd Kamal bin Mohamad Noor selaku penyelia organisasi dan pegawai-pegawai jabatan yang banyak memberi tunjuk ajar dan pandangan serta keprihatinan mereka membantu saya sepanjang menjalankan latihan industri di bahagian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada kakitangan-kakitangan Bahagian pengurusan Masjid dan keseluruhan kakitangan Jabatan Agama Islam Perak yang telah memberi banyak tunjuk ajar, bimbingan, bantuan, nasihat, kritikan yang membina dan pendapat yang sangat berguna dan berharga sepanjang saya berada di sana.

Akhir sekali tidak lupa juga buat Ayahanda dan Bonda yang berada jauh beribu batu, terima kasih atas segala sokongan dan doa restu serta memahami akan kesibukan anakanda yang berada disini. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang sama-sama menjalankan latihan industri ini dan juga rakan-rakan sekuliah kerana pandangan dan pendapat

mereka dalam menyiapkan tugas ini. Pengorbanan dan tunjuk ajar semua, secara langsung atau tidak langsung amat dihargai dan akan terus dikenang buat selama-lamanya.

Sesungguhnya, tugas kali ini begitu bermakna dan memberikan pengalaman yang sebenarnya dalam menghayati erti kata ‘pelajar universiti’.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
MUKA DEPAN	i
PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Organisasi	1
1.2 Maklumat Organisasi	4
1.2.1 Visi	4
1.2.2 Misi	5
1.2.3 Matlamat Organisasi	5
1.2.4 Objektif Organisasi	5
1.2.5 Profil Jabatan Agama Islam Negeri Perak	6
1.2.6 Alamat Pejabat	10
1.3 Struktur Organisasi	11
1.4 Bahagian-bahagian Utama Organisasi	13
1.4.1 Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Pembangunan	13
1.4.2 Bahagian Penyelidikan	15

1.4.3 Bahagian Dakwah	16
1.4.4 Bahagian Penguatkuasaan	18
1.4.5 Bahagian Pendidikan	20
1.4.6 Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga	22
1.4.7 Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM)	23
1.4.8 Bahagian Pengurusan Masjid	24
1.5 Aktiviti Organisasi (Bahagian Pengurusan Masjid)	28
1.6 Penutup	31

BAB 2 SISTEM SEDIA ADA, PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	34
2.1.1 Sistem Penilaian Prestasi	34
2.1.2 Sistem Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja	35
2.1.3 Sistem Pengurusan Fail	35
2.1.4 Sistem Operator	37
2.1.5 Sistem Telefon dan Fax	37
2.1.6 Sistem Pelantikan Imam	38
2.1.7 Sistem Pembayaran Elaun Imam	41
2.1.8 Sistem Pembinaan, Penyelenggaraan dan Perobohan Masjid dan Surau	44
2.1.9 Sistem Bantuan dan Elaun Haji Percuma	48
2.1.10 Sistem Pelantikan Pegawai-pegawai Masjid	50
2.1.11 Sistem Perkhidmatan Jawatankuasa Kariah Masjid	54

2.2 Pengenalan Masalah dan Cadangan Penyelesaian	60
2.2.1 Sistem Pelantikan dan Pembayaran dan Elaun Imam	60
2.2.1.1 Permasalahan	60
2.2.1.2 Cadangan Penyelesaian	61
2.2.2 Sistem Pembinaan, Penyelenggaraan dan Perobohan Masjid dan Surau	63
2.2.2.1 Permasalahan	63
2.2.2.2 Cadangan Penyelesaian	65
2.2.3 Sistem Bantuan dan Elaun Haji Percuma	66
2.2.3.1 Permasalahan	66
2.2.3.2 Cadangan Penyelesaian	67
2.2.4 Sistem Pelantikan Pegawai-pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid	68
2.2.4.1 Permasalahan	68
2.2.4.2 Cadangan Penyelesaian	69
BAB 3 KESIMPULAN	70
RUJUKAN	73
LAMPIRAN	74

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 : Carta Organisasasi Jabatan Agama Islam Negeri Perak
- Rajah 1.2 : Carta Organisasi Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Negeri Perak
- Rajah 2.1 : Proses Pelantikan Imam
- Rajah 2.2 : Proses Pembayaran Elaun Imam
- Rajah 2.3 : Proses Membina Masjid Baru Dan Surau
- Rajah 2.4 : Proses Menyelenggaraan dan Meroboh Masjid Baru dan Surau
- Rajah 2.6 : Proses Pemberian Bantuan dan Elaun Haji Percuma
- Rajah 2.7 : Proses Pelantikan Pegawai-pegawai Masjid
- Rajah 2.8 : Proses Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Undang-undang yang Berkuatkuasa
- Lampiran 2 : Borang Biodata Imam Masjid Negeri Perak
- Lampiran 3 : Borang Perubahan Gaji Bagi Imam
- Lampiran 4 : Borang Permohonan Menunaikan Fadhu Haji Percuma
- Lampiran 5 : Borang Permohonan Saguhati RM 500.00 bagi Menunaikan
Fardhu Haji
- Lampiran 6 : Surat Jawapan Penerimaan Tawaran Menunaikan Fadhu Haji
- Lampiran 7 : Borang Cadangan Pelantikan Pegawai Masjid
- Lampiran 8 : Borang Cadangan Pertukaran Pegawai Masjid (Imam dan
Bilal)
- Lampiran 9 : Borang JK 1:- Borang Cadangan Jawatankuasa Kariah
- Lampiran 10 : Borang JK 1:- Borang Pelantikan Jawatankuasa Kariah
- Lampiran 11 : Borang Cadangan Pertukaran Ahli Jawatankuasa Kariah
- Lampiran 12 : Borang Pengesahan Pertukaran Jawatankuasa Kariah
- Lampiran 13 : Borang Cadangan Pelucutan Jawatankuasa Kariah
- Lampiran 14 : Borang pengesahan Pelucutan Jawatankuasa Kariah
- Lampiran 15 : Contoh Kertas Kerja Perobohan dan Pembinaan Masjid Baru

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Agama Islam Negeri Perak badan yang bertanggungjawab dalam menasihati dan membantu Sultan dalam hal-hal yang berkaitan dengan Agama Islam dan Adat Melayu Perak sebagaimana terkandung di dalam Undang-undang Kerajaan Negeri. Di samping itu, Jabatan Agama Islam Negeri Perak juga berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan berdaya maju dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) diketuai oleh Pengarah iaitu Dato' Haji Jamri bin Suri. Beliau dibantu oleh Ketua Penolong Pengarah, Penolong Pengarah dan Pegawai Eksekutif. Organisasi JAIPk ini dibahagikan kepada 8 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Pembangunan, Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Pendidikan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Bahagian Pengurusan Masjid dan INTIM.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap organisasi memiliki masalahnya yang tersendiri. Permasalahan yang wujud di dalam organisasi ini serba sedikit akan mempengaruhi proses operasinya dan menyebabkan tugas-tugas yang dijalankan tidak akan berjalan dengan lancar. Antara permasalahan yang wujud di sini adalah melibatkan tenaga kerja dan juga sistem pelaksanaan tugas setiap kakitangan yang terbantut akibat daripada corak pengurusan yang kurang efektif. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut telah diberikan dan diharap agar pihak Jabatan Agama Islam Negeri Perak dapat meneliti dan menilai semula cadangan yang telah diberikan.

Bagi diri pelatih, Latihan Industri ini merupakan satu latihan yang bersifat positif kepada semua pihak. Latihan Industri yang dijalankan merupakan satu permulaan yang baik bagi seseorang pelajar dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran kerja yang sebenar. Pemilihan organisasi yang tepat dan bersesuaian dengan bidang kursus yang diikuti oleh pelajar merupakan satu perkara yang perlu ditekankan.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini banyak mendedahkan pelatih terhadap keadaan sebenar di dalam pengurusan sesbuah organisasi. Pengalaman dan ilmu yang telah diperolehi selama 12 minggu menjalani Latihan Industri ini sememangnya banyak memberikan gambaran yang sebenar terhadap situasi di alam pekerjaan. Diharapkan latihan seumpama ini akan diteruskan dan diperluaskan skopnya.